

# Loji rawatan boleh kering jika sungai terus dicemari

Seperi sudah jadi kebiasaan, pengguna di beberapa kawasan Lembah Klang dan Selangor baru-baru ini mengalami gangguan bekalan air. Ia dikatakan berlaku selepas empat loji rawatan air di Sungai Selangor dihentikan operasinya berikutan pencemaran tumpahan minyak di sungai berkenaan.

Kejadian itu menyebabkan gangguan bekalan air di beberapa kawasan padat penduduk seperti Daerah Gombak, Klang, Shah Alam, Petaling, Kuala Lumpur, Hulu Langat dan Kuala Selangor.

Tumpahan minyak berkenaan atau diklasifikasikan sebagai pencemaran bahan hidrokarbon menyebabkan loji rawatan air Sungai Selangor Fasa 1 dan Fasa 3 yang diuruskan Syarikat Penge-luar Air Selangor Sdn Bhd (SP-LASH) serta loji rawatan air Sungai Selangor Fasa 2 dan Rantau Panjang di bawah Puncak Niaga (M) Sdn Bhd terpaksa dihentikan operasi beberapa hari. Ini membebankan pengguna di kawasan terbabit.

Masalah pencemaran sungai negara kita bukan perkara yang jarang berlaku, malah semakin kerap sejak akhir-akhir ini. Pada 22 Ogos lalu, 154,155 pengguna di kawasan Hulu Selangor dan Sabak Bernam terputus bekalan air serta mengalami masalah tekanan air rendah selepas Sungai Selangor dikatakan tercemar berpunca daripada pencemaran diesel.

Pada 13 Februari lalu, masalah pencemaran juga berlaku di Su-

Kawasan yang disyaki punca **tumpahan diesel** yang menjadikan Sungai Selangor tercemar, baru-baru ini. [FOTO HIASAN]



ngai Langat akibat peningkatan paras ammonia yang melebihi baaan minimum sehingga menyebabkan lebih 30,000 isi rumah terputus bekalan air bersih kerana penutupan Loji Rawatan Air di Bukit Tampoi.

## Capai tahap mendesak

Isu pencemaran sungai sudah mencapai tahap yang amat mendesak dan memerlukan usaha pelbagai pihak untuk mencari penyelesaiannya. Pelbagai aktiviti yang dilakukan berhampiran kawasan sungai, tidak dapat tidak kualiti air sungai di negara ini

semakin terancam dengan pelbagai jenis pencemaran. Ini ditambah dengan tindakan sesetengah individu mengambil jalan mudah dan tidak bertanggungjawab sewenang-wenangnya membuang bahan merbahaya ke dalam sungai sehingga ia tercemar teruk.

Pihak berkuasa berkaitan hendaklah tegas mengambil tindakan terhadap individu atau pemilik industri yang dipercayai terbabit dalam isu pencemaran air sungai ini dengan lebih tegas lagi.

Pelbagai undang-undang sudah ada bagi mengatasi masalah

isu pencemaran air sungai.

Selain undang-undang alam sekitar, terdapat juga beberapa cadangan terutamanya daripada persatuan pengguna supaya menggunakan undang-undang keselamatan berkaitan terhadap individu terutamanya pemilik syarikat ataupun kilang yang bertanggungjawab dalam pencemaran air sungai. Mengikut mereka, undang-undang alam sekitar sedia ada tidak cukup tegas untuk menyelesaikan masalah itu. Jadi, menambah undang-undang keselamatan dapat menghalang individu terutamanya pemilik syarikat ataupun kilang yang tidak bertanggungjawab daripada berterusan melakukan kesalahan.

## Undang-undang keselamatan

Penggunaan undang-undang keselamatan adalah perlu dalam isu ini kerana ia memabihkan hak dan kepentingan jumlah pengguna yang ramai. Mutu kebersihan air sungai di negara ini semakin merosot berikutan sikap sesetengah masyarakat dan pemilik industri yang membuang sampah dan sisa industri ke dalam sungai.

Pencemaran sungai di negara ini bukan sahaja gagal untuk membantu industri pelancongan bahkan menimbulkan masalah lebih teruk jika sungai terbabit digunakan sebagai sumber air minuman dan aktiviti harian.

Justeru, pihak yang berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mesti mengambil pelbagai langkah yang berkesan dan

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@bh.com.my**

tegas untuk terus meningkatkan penguatkuasaan dan memperkembangkan program bagi menyedarkan masyarakat terhadap tanggungjawab memelihara alam sekitar terutama isu kebersihan air sungai.

Setiap kerajaan negeri juga perlu memainkan peranan dalam meningkatkan usaha serta rumusan jangka panjang kepada isu ini. Mereka harus sentiasa memantau, berani bertindak dan mengambil tindakan untuk memberhentikan sebarang pencerobohan yang berlaku di kawasan tadahan.

## Dr Muzaffar Syah Mallow,

Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).